



PM minta penduduk waspada, patuh arahan berpindah

► Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak menasihatkan penduduk tinggal di kawasan sering dilanda banjir, supaya lebih berwaspada dan peka kepada keadaan sekitar kediaman masing-masing.

Perdana Menteri turut mengingatkan orang ramai supaya sedia berpindah awal dan mematuhi arahan pihak berkuasa bagi mengelak insiden tidak diingini.

"Dengan keadaan cuaca yang tidak menentu, saya berharap mereka yang tinggal di kawasan sering dilanda dan berisiko banjir lebih peka dan berwaspada.

"Sekiranya perlu, kita patut berpindah lebih awal bagi mengelak kejadian tidak diingini berlaku. Saya doakan semua selamat dan berada dalam lindungan Allah SWT, Insha-Allah," katanya dalam kenyataan menerusi laman Facebooknya di sini, semalam.

Najib berkata, orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat terkini mengenai banjir di seluruh negara boleh mengunjungi laman web rasmi kerajaan <http://publicinfobanjir.water.gov.my>.



Taburan hujan 24 jam hingga 8 pagi semalam

381 MILIMETER
di Kuala Terengganu

192 MILIMETER
di Gong Kedak

126 MILIMETER
di Kota Bharu

► Kuala Terengganu

Hujan lebat berterusan selama 24 jam mulai kelmarin sehingga tengah hari semalam, menyebabkan hampir keseluruhan muhim Gong Badak di sini, ditenggelami banjir sehingga satu meter.

Bencana menyebabkan penadabiran Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dekat Gong Badak, yang ditenggelami air, terpaksa mengisytiharkan cuti darurat kepada hampir 12,500 pelajar dan kakitangan.

Terperangkap dalam kereta

Seorang pemandu kepada kontraktor pengedaran akhbar The New Straits Times Press (M) Berhad, Shamsul Mohd, 28, menjadi korban kedua banjir negeri ini, apabila lemas akibat terperangkap dalam keretanya yang terhumban dalam partit dipenuhi air Kampung Bukit Bintang dekat Permaisuri, jam 5.50 pagi semalam.

Jumlah mangsa banjir di Terengganu yang terpaksa dipindahkan ke pusat pemindahan meningkat kepada 4,200 orang meliputi daerah Kuala Terengganu, Marang, Dungun, Setiu dan Besut.

Daripada jumlah itu, daerah Kuala Terengganu masih mencatatkan jumlah mangsa teramai iaitu 2,738 orang dari 701 keluarga, diikuti 893 mangsa dari 217 keluarga di daerah Marang; 280 mangsa dari 62 keluarga di Setiu; 254 mangsa dari 60 keluarga di

Oleh Azman Mahmood, Haika Khazi, Hanneeyzah Bariah Baharin, Nor Fazlina Abdul Rahim, Baharom Bakar, Mohammad Ishak, Aminudin Ismail, Faizul Aslan Razak, Rosli Iham, Aslina Abu Bakar, Norizuan Shamsuddin, Shamsudin Husin, Jauhariatul Akmal Johar dan Mohd Zulkifli Zainuddin
bhnews@bh.com.my

GONG BADAK TENGGELEAM

» UMT dan UniSZA cuti darurat, banjir ragut mangsa kedua di Terengganu

Sekolah Menengah Tok Dor, Jertih, terpaksa dibantu anggota Bomba dan Penyelamat untuk ke sekolah selepas rumah mereka di Kampung Bintang dan Dalam Huma, Jab, terputus perhubungan akibat ditenggelami air.

Masih terkawal

Pengerusi Bencana Terengganu, Datuk Mazlan Ngah, berkata keadaan masih terkawal dan kerajaan negeri tidak bercadang mengisytiharkan



Naib Canselor UniSZA, Profesor Datuk Dr Yahaya Ibrahim, berkata pihaknya memutuskan cuti darurat susulan banjir semakin buruk berikutan hujan lebat berterusan sejak kelmarin.

"Kawasan asrama pelajar dalam UniSZA pa-

jian bergantung kepada keadaan banjir. Jika hujan berterusan, ia mungkin mengambil masa sehingga Ahad ini," katanya ketika dihubungi, semalam.

Naib Canselor UMT, Profesor Emeritus Datuk Dr Ibrahim Komoo, berkata pihaknya mengemukakan cuti darurat pagi semalam selepas sekitar kampus dinaiki air sehingga 0.65 meter.

Katanya, kelas pengajian turut ditangguh membabitkan kira-kira 8,000 pelajar, manakala kira-kira 1,500 kakitangan juga diberi cuti.

"Kawasan pintu UMT paling dalam ditenggelami air sedalam

Ketika ini pasukan keselamatan UMT memantau keadaan banjir di UMT dan memberi laporan kepada saya setiap setengah jam," katanya.

Nasib lebih malang menimpa kumpulan pelajar UniSZA yang menyewa rumah di Taman Perumahan Desa Tanjung Damai, Gong Badak, yang turut dinaiki air petang kelmarin.

Mereka tidak sempat menyelamatkan banyak barang berharga seperti komputer riba, buku, tilam dan pakaian kerana sedang menghadiri kuliah ketika rumah dinaiki air mulai jam 11 pagi.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Pembangunan Wanita,



Sebahagian pelajar terpaksa meredah banjir di depan pintu masuk utama Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Gong Badak selepas paras air naik mendadak.

mangsa dipindahkan ke situ meningkat secara mendadak dan keadaan itu kini ditangani menerusi pendekatan gotong-royong dalam penyediaan makanan.

Jumlah mangsa meningkat
Katanya, kerajaan negeri sudah membelanjakan RM725,000 untuk penyediaan barangan makanan, tuala, selimut, tikar, kain batik dan keperluan diri yang diagihkan kepada mangsa yang dipindahkan.

Sementara itu di Kota Bharu, Kelantan, mangsa banjir di negeri itu turut meningkat kepada 130 penduduk daripada 31 keluarga yang dipindahkan ke tiga pusat

